

**PENDAFTARAN SYARIKAT****1. Siapakah yang perlu berdaftar dengan MTIB melalui Sistem iTimber?**

Mana-mana syarikat yang menjalankan aktiviti berikut, diwajibkan berdaftar dengan MTIB melalui Sistem iTimber:

- Pengeksport kayu
- Pengimport kayu
- Pembekal kayu
- Pemeringkat Kayu
- Pemproses kayu
- Pedagang
- Pengendali
- Pengendali Jeti
- Penanam karas

**2. Sekiranya status pendaftaran syarikat dengan MTIB masih aktif menerusi MCS, adakah permohonan pendaftaran diperlukan lagi di dalam Sistem iTimber?**

Pendaftaran syarikat/individu di dalam sistem MCS yang masih aktif akan diintegrasikan ke dalam Sistem iTimber. Bagi syarikat/individu yang ingin memperbaharui pendaftaran yang akan luput dalam masa terdekat, teruskan proses secara online menerusi MCS. Keperluan ini terpakai untuk semua syarikat yang menjalankan aktiviti ke atas produk kayu yang terdapat dalam Jadual 1, Akta 105.

**3. Untuk pembaharuan pendaftaran yang lewat, benarkah tiada penalti dikenakan?**

Penalti tidak akan dikenakan. Walau bagaimanapun, caj perkhidmatan akan dikenakan sebanyak RM50.00 bagi setiap permohonan pendaftaran baharu atau pembaharuan Pendaftaran.

**4. Adakah syarikat pengimport kayu perlu berdaftar di dalam Sistem iTimber dan bagaimana cara untuk memohon permit import?**

Ya, syarikat pengimport kayu perlu berdaftar dengan MTIB melalui Sistem iTimber dan permohonan permit import juga perlu dibuat secara online di dalam Sistem iTimber.

**5. Adakah Sistem iTimber turut melibatkan industri karas?**

Ya, pendaftaran sebagai penanam karas, permohonan semua permit eksport dan import produk karas serta permohonan Permit/Sijil CITES perlu dimohon melalui Sistem iTimber.

**6. Adakah ejen perkapalan boleh berdaftar dengan MTIB di dalam Sistem iTimber?**

Semua syarikat yang menjalankan aktiviti sebagai Pengeksport kayu, Pengimport kayu, Pembekal kayu, Pemeringkat Kayu, Pemproses kayu, Pedagang, Pengendali atau Pengendali Jeti wajib berdaftar dengan MTIB.

**7. Apabila MTIB telah mengaplikasikan Sistem iTimber ini, adakah syarikat pengeksport perabot perlu memohon permit eksport dari MTIB?**

Pengeluaran permit eksport oleh MTIB adalah sepertimana yang digariskan dalam Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) yang berkuatkuasa.

**PERMIT EKSPORT DAN IMPORT****1. Apakah rasional di sebalik tempoh sah permit eksport yang dipendekkan dari 60 hari kepada 30 hari.**

Sistem iTimber direka bentuk supaya pengeksport memohon permit eksport apabila barangan telah benar-benar siap untuk dieksport. Ini bermakna, semua dokumentasi yang berkaitan seperti *Grading Summary*, Permit CITES dan Sijil MyTLAS (yang mana berkaitan), nombor pendaftaran kontena telah diperolehi. Pengeksport boleh membuat permohonan permit (*declaration*), beserta dengan tarikh permohonan pemeriksaan fizikal. Jika maklumat yang diperlukan dalam permit adalah lengkap, proses kelulusan permit dan pemeriksaan fizikal boleh dibuat dalam tempoh 2 hari bekerja sahaja.

Menerusi MCS, permohonan permit dibuat terlalu awal walaupun barangan belum siap dengan sempurna. Perlu diingat, permit eksport adalah dokumen ikrar untuk konsignasi tertentu yang hendak dieksport, berbeza dengan lesen yang merujuk kepada kebenaran yang diberi oleh MTIB menerusi pendaftaran syarikat untuk menjalankan aktiviti sebagai pengeksport untuk satu tempoh masa tertentu.

**2. Apa yang akan terjadi sekiranya permohonan permit eksport dibuat di lokasi yang berbeza dengan alamat pengeksport berada?**

Sistem iTimber akan menyekat permohonan tersebut daripada diteruskan. Sistem iTimber telah direkabentuk untuk menghantar permohonan permit tersebut berdasarkan lokasi syarikat pengeksport mengikut pendaftaran alamat dengan MTIB. Walaubagaimanapun, permohonan Pemeriksaan Fizikal boleh dibuat berdasarkan di mana konsignasi berada.

Contohnya, jika pengeksport berdaftar dengan alamat di Kuantan, mereka tidak dibenarkan memohon permit kepada Pejabat MTIB Wilayah Tengah. Oleh itu, hanya pejabat MTIB Kuantan sahaja yang boleh memproses dan meluluskan permohonan permit tersebut. Akan tetapi bagi pemeriksaan fizikal, pengeksport boleh memilih lokasi mengikut pintu keluar di mana barangan dagangan berada, contohnya di Pelabuhan Klang atau di Johor dan sebagainya.

Atau, jika pengeksport berdaftar dengan alamat di Klang, Selangor dan berhasrat mengeksport ke Singapura, permohonan permit eksport perlu dibuat kepada Pejabat MTIB Wilayah Tengah iaitu di Klang, Selangor. Manakala permohonan pemeriksaan fizikal dibuat kepada Pejabat MTIB Negeri Johor mengikut stesen pemeriksaan / pintu keluar yang berkenaan.

**3. Bagaimana jika situasi di negeri seperti Johor dan Kelantan yang bercuti pada hari Jumaat, adakah boleh permit dimohon di ibu Pejabat MTIB melalui Sistem iTimber (kerana Kuala Lumpur bekerja pada hari Jumaat)?**

Sistem iTimber akan menghalang permohonan tersebut daripada diteruskan. Pengeksport diminta mengambil maklum akan keperluan Sistem iTimber, dan perlu lebih bersedia serta membuat perancangan awal ke atas permohonan permit untuk mengelakkan kesulitan timbul.

**4. Jika syarikat beralamat di Semenanjung Malaysia dan ingin mengeksport ke Sabah dan Sarawak, adakah syarikat perlu memohon permit eksport dari MTIB?**

Tidak perlu memerlukan permit eksport, tetapi syarikat perlu memohon Permit Pengangkutan Barang melalui Sistem iTimber setelah pelaksanaannya bermula, dan K3 di peringkat Kastam.

**5. Adakah permit K3 boleh dimohon secara atas talian apabila Sistem iTimber telah dikuatkuasakan?**

Ya, permohonan Permit Pengangkutan Barang boleh dimohon secara atas talian apabila Sistem iTimber telah berkuatkuasa. K3 adalah dokumen Kastam.

**6. Adakah JK69 boleh dimohon melalui Sistem iTimber?**

Ya, permit import MTIB perlu dimohon melalui Sistem iTimber dan tiada lagi kelulusan secara manual. Salinan asal JK69 masih digunakan sehingga Sistem iTimber stabil sepenuhnya. MTIB akan mengeluarkan notis hebahkan ke atas tarikh tempoh percubaan dan pelaksanaan Sistem iTimber sepenuhnya.

**7. Adakah permohonan permit eksport di dalam Sistem iTimber akan melibatkan ke semua negara? Atau hanya negara yang terpilih?**

Kesemua negara kecuali Israel.

**8. Berapa kos (caj perkhidmatan) untuk permit eksport dan import MTIB?**

Tiada bayaran yang dikenakan untuk permit eksport dan import MTIB.

**9. Adakah maklumat permit yang dikeluarkan dari Sistem iTimber ini berbeza dengan permit yang dikeluarkan dari Sistem MCS?**

Secara umumnya, pengeluaran permit masih sama dikeluarkan dari Sistem MCS dan Sistem iTimber. Namun begitu, keperluan baru bagi Sistem iTimber akan memerlukan maklumat tambahan untuk dimasukkan ke dalam permit dan ianya bergantung kepada maklumat yang diikrarkan menerusi sistem.

**10. Jika tarikh eksport jatuh pada tarikh Sistem iTimber diaktifkan, adakah syarikat masih boleh membuat permohonan permit eksport melalui Sistem MCS?**

Permohonan permit eksport boleh dibuat menerusi MCS dan maklumat akan diintegrasikan dengan iTimber dalam tempoh peralihan. MTIB akan mengeluarkan notis hebahkan terlebih dahulu sebelum Sistem iTimber dikuatkuasa.

## PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PENGUATKUASAAN

### 1. Apakah kesan jika nombor kontena tidak diisi ke dalam sistem untuk permohonan permit?

Permohonan tidak akan diproses kerana hanya maklumat permit yang lengkap akan dihantar terus ke Sistem Maklumat Kastam di atas talian. Oleh itu, permohonan permit hanya perlu dibuat apabila semua barangan dan keperluan dokumentasi telah siap. Tidak dinafikan kapal yang tiba di Pelabuhan kadangkala lewat 2 hingga 4 hari dari jadual asal, berdasarkan *open date* dan *closing date* yang diberi oleh pihak Pelabuhan. Dalam hal ini, kontena boleh disimpan di yad Pelabuhan, dan tiada caj dikenakan dalam tempoh tersebut.

### 2. Di dalam keadaan apakah Pemeriksaan Fizikal tidak diluluskan oleh MTIB?

Pemeriksaan Fizikal tidak akan diluluskan jika:

- Dokumen tidak lengkap atau tidak tepat;
- Tiada barangan disediakan di lokasi yang dimohon untuk Pemeriksaan Fizikal atau jumlah barang kurang sepertimana ikrar;
- Konsignasi yang hendak diperiksa tidak sama dengan pengisytiharan dalam permit;
- Nombor kontena tidak diberi.

Oleh itu, MTIB akan menganggap konsignasi tersebut belum benar-benar bersedia dan Pemeriksaan Fizikal tidak boleh diluluskan.

### 3. Jika syarikat telah memohon permit menggunakan nombor kontena asal tetapi tiba-tiba kontena tersebut perlu ditukar kerana ada kerosakan kepada struktur. Adakah syarikat perlu membuat permohonan permit yang baru dan bagaimana jika nombor kontena asal masih digunakan?

Sekiranya pihak pengeksport terpaksa menukar kontena selepas permit diluluskan, pengeksport boleh memaklumkan secara rasmi kepada MTIB (berserta dokumen sokongn) tanpa perlu memohon permit eksport baharu.

### 4. Berapa tempoh masa untuk pegawai MTIB membuat pemeriksaan fizikal?

Pemeriksaan fizikal akan dijalankan dalam tempoh 1 hari bekerja, hanya setelah permohonan yang lengkap diterima.

## PEMERINGKATAN KAYU

### 1. Sekiranya permit dibatalkan, adakah Grading Summary dan kuota akan turut terkesan?

Grading Summary akan terbatal jika permit eksport dibatalkan atau tidak diluluskan. Kuota pemeringkatan juga tidak akan dikembalikan.

### 2. Adakah Pemeringkat Kayu akan menggunakan Mobile Apps (Sistem iTimber) ketika kerja-kerja pengedaran kayu di lapangan? Adakah perlu mengambil gambar dan dimuat naik ke dalam Sistem iTimber?

Ya. *Mobile Apps* akan digunakan sepenuhnya dan Pemeringkat Kayu perlu mengambil gambar untuk dimuat naik ke dalam Sistem iTimber.

### 3. Bagaimanakah proses kerja Pemeringkatan dilaksanakan dalam sistem iTimber?

Pemeringkatan hanya dapat dijalankan setelah pengeksport memasukkan ukuran, spesifikasi dan jumlah isipadu yang diperlukan serta memilih sendiri Pemeringkat yang dikehendaki dalam sistem iTimber untuk menjalankan pemeringkatan.

## KEWANGAN

### 1. Adakah baki akaun syarikat di dalam Sistem MCS di selaraskan ke dalam Sistem iTimber?

Ya, baki akaun syarikat akan di migrasi atau dimasukkan ke dalam Sistem iTimber.

### 2. Adakah permit yang dikeluarkan oleh MTIB dikenakan bayaran?

Tiada caj perkhidmatan. Hanya bayaran atau caj akan mengikut kadar ses semasa berdasarkan jenis produk/ spesis kayu yang dieksport.

### 3. Adakah bayaran ses berubah untuk permit eksport?

Kadar ses yang dikenakan oleh MTIB adalah tertakluk kepada Perintah Ses yang berkuatkuasa.

### 4. Bilakah masa bayaran ses dikenakan kepada syarikat yang memohon permit eksport? Adakah setelah kelulusan dari pihak MTIB?

Semasa permohonan permit eksport, sejumlah amaun akan dikunci (komitmen) dari akaun TPay. Setelah permit eksport diluluskan oleh MTIB, amaun yang dikunci semasa permohonan akan diubahkan kepada bayaran permit eksport.

Syarikat perlu memastikan akaun mencukupi di akaun TPay sebelum membuat permohonan permit eksport.

### 5. Adakah perlu dimasukkan maklumat kad kredit wakil syarikat dalam perkhidmatan Payment Gateway dan adakah setiap permohonan memerlukan kebenaran bayaran dari syarikat?

Sistem iTimber tidak membenarkan wakil syarikat atau agen untuk membuat pembayaran (tambah nilai) melalui *payment gateway*.

### 6. Bagaimana cara untuk mendapatkan wang bayaran balik dari akaun MTIB yang tidak aktif? Ditambah pula pembayaran tersebut telah dibuat di atas nama akaun syarikat lain yang berdaftar dengan MTIB.

MTIB akan memulangkan baki bagi akaun yang tidak aktif kepada syarikat yang berdaftar dengan MTIB sahaja. Bayaran akan dibuat atas nama yang berkaitan dengan akaun pemohon mengikut prosedur yang ditetapkan.

## UMUM

### 1. Bilakah tarikh kuatkuasa Sistem iTimber?

Mengikut perancangan, Sistem iTimber akan diaktifkan (*live*) mulai 15 April 2022. MTIB akan mengeluarkan notis hebahan dari masa ke semasa berkenaan iTimber.

### 2. Apakah perbezaan Sistem MCS dan Sistem iTimber?

Sistem iTimber telah dirangka bagi menambahbaik sistem sedia ada (MCS) seperti berikut :

- Meringkaskan proses sedia ada.
- Mengaplikasi semua proses manual ke atas talian dan *end-to-end*.
- Memperkenalkan ciri-ciri keselamatan dalam menyimpan maklumat syarikat.
- Menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan MTIB melibatkan pihak industri perkayuan dan warga kerja MTIB.
- Berkeupayaan mengurangkan kadar pemalsuan permit.
- Meningkatkan produktiviti kerja dan hasil pendapatan MTIB.

### 3. Sekiranya Sistem iTimber telah dikuatkuasa, adakah Sistem MCS akan ditutup sepenuhnya?

Dalam tempoh peralihan dari sistem MCS kepada iTimber, MTIB dari semasa ke semasa akan membuat hebahan kepada pihak industri ke atas tarikh-tarikh pelaksanaan seperti tempoh latihan akhir, *pilot test* dan pgunaan iTimber sepenuhnya. Pihak industri diminta sentiasa mengikut notis hebahan MTIB di *webpage* MTIB dan portal MCS dari semasa ke semasa.

### 4. Bagaimana status kemajuan Sistem iTimber sekarang?

Sistem iTimber sedang dalam peringkat akhir pengujian dan telah menjalani sesi pengujian bersama wakil syarikat pada awal April 2022. Seterusnya sesi roadshow dan latihan bersama Pejabat Wilayah/Negeri dan industri mengikut akan dilaksanakan mengikut wilayah dalam bulan Mei dan Jun 2022. Maklumat roadshow iTimber akan dihebahkan melalui webportal MTIB. Kerjasama dan sokongan pihak industri amat diperlukan dalam menjayakan pelaksanaan iTimber ini.



MTIB